

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KHIDMAT AM**

Nama Jawatan & Gred : Pembantu Khidmat Am Gred H1

Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap / Kontrak (Interim)

- (a) Pegawai tetap yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan: lantikan secara tetap; dan
- (b) Calon lantikan baharu: Lantikan secara kontrak (Interim) selama 3 tahun.

Bilangan Kekosongan : 1

Jadual Gaji Minimum-Maksimum : RM1,500.00 – RM4,680.00

Elaun Tetap RM115.00 (Imbuhan Tetap Khidmat Awam)
RM300.00 (Imbuhan Tetap Perumahan)

Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM100.00

1. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);
atau
- ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);
atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00);
atau
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

dan v. Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1. (b).

(b) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan)

- i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

**(c) Syarat Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/
Sijil Terbuka /Sijil Vokasional Malaysia (SVM)**

• **SPM**

- i. Calon hendaklah memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau
- ii. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

• **SVM**

- i. Mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan
- ii. Kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

2. Syarat Kelayakan Bahasa: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat/ muzium.

Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan.

Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I.